

**NO. SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 16MAC 2015**

**RUJUKAN : 7514**

**SOALAN:**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menyelesaikan masalah PATI di sempadan terutamanya di Padang Besar di mana baru-baru ini terjumpanya kem pelarian yang dibuat oleh sindiket pemerdagangan manusia di sempadan Padang Besar.**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman, isu permasalahan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di sempadan Padang Besar, Perlis adalah dibawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN).**

**Namun begitu, dalam usaha menangani kemasukan PATI di sempadan, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi lain melalui penubuhan jawatankuasa tindakan kerja yang bersesuaian. JIM juga sentiasa berusaha meningkatkan *capacity building* antaranya meningkatkan jumlah tenaga kerja, pertukaran berkala (*job rotation*) dan mengkaji pemberian insentif yang bersesuaian. JIM juga secara berterusan berusaha meningkatkan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi antaranya MKN, Kastam DiRaja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) serta beberapa agensi-agensi lain.**